



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan
Berterusan
(SPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II – SESSION 2022 / 2023
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWP 3623
KOD KURSUS

COURSE NAME : AUDIT 2
NAMA KURSUS : AUDIT 2

YEAR / PROGRAMME : 3 DDWP
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES
TEMPOH : 2 JAM 30 MINIT

DATE : JUNE/JULY 2023
TARIKH : JUN/JULAI 2023

INSTRUCTION / ARAHAN:

Answer **ALL** questions and write your answers on the answer sheet.
Jawab **SEMUA** soalan dan tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / PROGRAMME TAHUN / PROGRAM	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of 3 pages including the cover.
Kertas soalan ini mengandungi 3 muka surat termasuk kulit hadapan.



PUSAT PRGORAM KERJASAMA

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK
ARAHAN AM – PENYELEWENGAN AKADEMIK**

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1. Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1. memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan/Bilik Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2. menggunakan maklumat yang diperoleh seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3. menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4. lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1. Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1. memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2. memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2. Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3. Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

ANSWER ALL QUESTIONS [JAWAB SEMUA SOALAN]

TOTAL [JUMLAH] [50M]

- Q1. Suggest and explain in considerable detail **ONE (1)** type of non-assurance service provided by an audit firm [Cadangkan dan terangkan secara terperinci **SATU (1)** jenis perkhidmatan bukan jaminan yang biasanya ditawarkan oleh firma audit]. [5M]
- Q2. Explain internal auditing and further suggest **FIVE (5)** differences between internal audit and external audit. [Terangkan audit dalaman dan seterusnya cadangkan **LIMA (5)** perbezaan antara audit dalaman dan audit luaran]. [5M]
- Q3. Explain the composition of an audit committee in detail and elaborate the importance of such composition. [Terangkan komposisi jawatankuasa audit secara terperinci dan huraikan kepentingan komposisi sedemikian]. [5M]
- Q4. Describe the roles and functions of a shariah auditor [Terangkan peranan-peranan dan fungsi-fungsi juruaudit shariah]. [5M]
- Q5. List and explain **TWO (2)** types of special audit. Give a detailed description of each. [Senaraikan **DUA (2)** jenis audit khas. Berikan gambaran terperinci untuk setiap satunya]. [10M]
- Q6. The Malaysian Code on Corporate Governance is based on three key principles of good governance, which are: [Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia adalah berasaskan tiga prinsip utama urus tadbir yang baik, iaitu:]
- Board leadership and effectiveness [Kepimpinan dan keberkesanan Lembaga Pengarah]
 - Effective audit and risk management; and [Keberkesanan pengurusan audit dan risiko; dan]
 - Integrity in corporate reporting and meaningful relationship with stakeholders. [Integriti dalam pelaporan korporat dan hubungan bermakna dengan pihak berkepentingan.]
- Explain any **ONE** of the principles in great detail to demonstrate your understanding of the spirit of corporate governance. [Terangkan dengan terperinci mana-mana **SATU** prinsip tersebut untuk menunjukkan pemahaman anda tentang semangat urus tadbir korporat.] [20M]

- END OF QUESTIONS [SOALAN TAMAT]-